



MAJLIS DAERAH PONTIAN

KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga ini adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor **BERTARAF BUMIPUTERA** yang berdaftar di **PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR** dan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA** yang masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini bagi membuat kerja-kerja sebagaimana berikut:

Bil	Tajuk Projek/ No. Tawaran	Kelas / Taraf	Kepala / Subkepala	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Lawatan Tapak
1.	Kerja- Kerja Pembaikan Struktur Bangunan Dan Komponen Kejuruteraan Awam Serta Kerja- Kerja Berkaitan Di Taman Rekreasi Sungai Rambah, Pontian, Johor. (MDP/LS/S/6/2018	G2 Bumiputera	B24, CE14 dan CE21	50.00	16.10.2018 9.30 Pagi.

2. Kontraktor diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak bina pada **16 OKTOBER 2018 (SELASA) jam 9.30 pagi**. Taklimat akan hanya diadakan sekali sahaja (diwajibkan). Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Bilik Mesyuarat Aras 2, Blok A, Majlis Daerah Pontian** pada tarikh dan masa yang ditetapkan.

3. Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan 2/2013 hanya **penama** di dalam Sijil Perakuan PKK, SPKK CIDB/ KEMENTERIAN KEWANGAN sahaja yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak / taklimat yang diadakan di jabatan ini. **Wakil tidak dibenarkan.**

4. Butir-butir dan dokumen sebutharga ini boleh didapati **di Jabatan Perancangan Bandar dan Landskap** pada waktu pejabat dan hendaklah dibayar dalam bentuk Wang tunai atau Wang Pos . Wang ini tidak akan dikembalikan. Dokumen sebutharga boleh dibeli oleh penama atau wakil-wakil kontraktor dengan syarat membawa **SIJIL ASAL** dan surat wakil syarikat. Bagi maksud ini kontraktor-kontraktor hendaklah membawa salinan asal serta fotostat Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Perakuan Pendaftaran Asal Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Taraf Bumiputera dari PKK. **Dokumen mula dijual** pada **16 OKTOBER 2018 (SELASA) selepas jam 3.00 petang. Tarikh akhir penjualan** dokumen sebutharga pada **23 OKTOBER 2018 (SELASA)**.

5. Dokumen Sebutharga yang telah diisi lengkap hendaklah disampul surat berlakri yang bertulis tajuk sebutharga berkenaan di penjuru kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga bertempat di **Jabatan Perancangan Bandar dan Landskap, Aras 2, Blok B, Pejabat Majlis Daerah Pontian, Johor** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada **23 OKTOBER 2018 (SELASA)**.

(NOR SYAZLAN BIN ABD RAZAK)

Yang Di Pertua,
Majlis Daerah Pontian.

Bertarikh : Oktober 2018

JA/nursy-

